

27/08/2002

Dilema wanita bekerja dan tugas ibu harus dihurai

TUNTUTAN hidup di tengah masyarakat perbandaran dan tidak kurang juga di luar bandar masa kini, menghendaki wanita turut keluar bekerja di samping lelaki sebagaimana di hampir semua negara maju. Apatah lagi taraf pendidikan dan peluang sama diberikan kepada wanita membuat mereka bersedia untuk bersaing dalam menjalankan tugas di luar rumah. Namun di sebalik mengakui perlunya sumbangan wanita dalam menambah pendapatan keluarga dan menjadi tenaga kerja di jabatan kerajaan, syarikat swasta, kilang perusahaan dan sebagai guru di sekolah, kita menghadapi dilema yang tidak kurang membimbangkan. Ini kerana wanita yang menjadi isteri dan kemudian ibu terpaksa memikul tanggungjawab lebih berat dan mencabar iaitu menjadi suri kepada keluarga khususnya membesarkan anak-anak.

Walaupun hari ini, hampir kebanyakan keluarga terutama di bandar besar mempunyai pembantu asing yang digaji khusus bagi mengurus rumah selain menjaga anak, tugas ibu tetap diperlukan. Ibulah tempat anak mengadu hal disamping mahu dibelai apabila jatuh sakit. Jelas bahawa walaupun masa, persekitaran dan tuntutan hidup sudah lama berubah, wanita tetap diperakui paling sesuai memikul tanggungjawab dan peranan tradisional mereka iaitu sebagai ibu yang mampu memelihara, mendidik dan menerapkan nilai hidup murni kepada anak di rumah. Ini bertambah penting dalam keadaan kini dengan beraneka pengaruh anasir luaran dengan pelbagai unsur negatif yang boleh mengheret anak-anak terutama remaja terjerumus ke dalam kegiatan negatif yang bukan saja merugikan diri malah masyarakat amnya. Lelaki dan kaum bapa pula tetap kekal dengan tugas mencari rezeki, menyediakan kediaman dan memimpin keluarga.

Wujudnya dilema ini disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, yang mengakui kerajaan belum mendapat jalan penyelesaian di antara meningkatkan sumbangan tenaga wanita dalam sektor pekerjaan dengan desakan mereka membantu meluangkan masa menjaga anak agar tidak terjebak dengan gejala sosial yang berleluasa kini. Perangkaan polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bukan saja anak lelaki mudah dipengaruhi sesetengah rakan agar menagih dadah dan melakukan jenayah kecil, namun remaja perempuan turut terdedah kepada pelbagai ancaman dan pujukan yang mudah merosakkan kehidupan mereka. Dr Mahathir mengakui walaupun guru di sekolah diharap dapat meringankan tugas ibu, namun terdapat segelintir guru yang mengkhianati amanah melahirkan pelajar berakhlak mulia dengan menyemai perkara bertentangan dengan ajaran agama sebenar.

Tidak syak lagi, kita kini berdepan dengan satu masalah agak rumit di antara menghendaki anak-anak membesar dengan peribadi dan berakhlak bererti memerlukan pengawasan rapi ibu. Tetapi dengan tuntutan membenarkan wanita mendaki tangga kerjaya sesuai dengan peluang sama diberikan kepada lelaki tugas ini boleh terjejas. Memang ada wanita yang sanggup berkorban meninggalkan kerjaya kerana tidak mahu mengabaikan anak, tetapi sudah tentu ini bukan jalan keluar yang sesuai. Menggaji pembantu rumah yang hanya mengisi secebis masa dan keperluan menjaga anak juga bukanlah huraian yang baik. Masalah ini akan bertambah kompleks pada masa depan memandangkan jumlah wanita menuntut di universiti jauh lebih ramai daripada lelaki.

Sememangnya tiada siapa berhajat hendak menyekat peluang wanita terus menyumbangkan kepada usaha memakmurkan negara. Ini bermakna masalah ini harus dihadapi dan ditangani dengan bijak tanpa merugi atau membebankan

mana-mana pihak. Bagi wanita bekerja, apa yang ideal adalah mereka mampu mengimbangi di antara tanggungjawab di tempat kerja tanpa mengabaikan tugas mengurus rumah dan membesarkan anak. Ini adalah satu cabaran getir dan berat. Hendaknya sebagaimana seruan Dr Mahathir, badan wanita dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sama-sama membantu mencari jalan menangani masalah ini.